

28/10/1999

Perjanjian pengusaha, pemandu teksi diseragam

PUTRAJAYA, Rabu - Kementerian Pembangunan Usahawan menyeragamkan semua perjanjian baru di antara pengusaha dengan pemandu teksi di Lembah Klang, termasuk kadar sewa harian, berkuat kuasa 1 Disember ini.

Kadar sewa maksimum Proton Iswara adalah RM40 sehari, manakala Proton Wira (RM45), cuti minimum 12 hari setahun, tempoh pajakan selama lima tahun dan insurans untuk pemandu teksi yang turut melindungi isteri serta anak mereka.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamad, ketika mengumumkan penyeragaman itu hari ini berkata pengusaha juga bersetuju membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pemandu sebanyak RM52 sebulan.

Beliau berkata, syarikat juga bersetuju menanggung bayaran membaiki kerosakan teksi sebanyak RM100, manakala bayaran selebihnya ditanggung oleh pemandu.

"Bagi membiayai kerosakan dan kebajikan pemandu, mereka bersetuju mewujudkan badan kebajikan syarikat dengan bayaran RM2 sehari.

"Keputusan mengenai penyeragaman semua perjanjian itu dicapai hasil beberapa siri pertemuan di antara kementerian, wakil pengusaha dan pemandu dengan mengambil kira masalah pemandu serta syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan pelekat 'Syabas Malaysia' di perkarangan pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya.

Mustapa yang juga Menteri Kewangan Kedua berkata, penyeragaman itu membabitkan semua perjanjian baru, manakala pemandu yang terikat dengan perjanjian sedia ada akan membaharunya selepas perjanjian mereka tamat.

Beliau juga mengumumkan penubuhan Majlis Perundingan Perkhidmatan Teksi, Limosin dan Kereta Sewa yang diwakili pegawai kementerian, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan, Puspakom, Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi, Limosin dan Kereta Sewa Malaysia.

(END)